



# ایکاتن فنولیس سابه

## IKATAN PENULIS SABAH

Kota Kinabalu, 21 Januari 2023

### KENYATAAN AKHBAR

#### **MUSTAPHA: HAYATI, TERJEMAHKAN MALAYSIA MADANI DALAM PENULISAN**

Penulis-penulis di Sabah diseru menghayati gagasan Malaysia Madani dan menterjemahkannya dalam bentuk penulisan. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud berkata perkara ini penting bagi membolehkan usaha Malaysia melahirkan masyarakat yang berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia dapat direalisasikan.

Beliau meminta para penulis memberikan tumpuan kepada promosi nilai-nilai Malaysia Madani seperti hormat dan ihsan. Menurut beliau, walaupun masyarakat Sabah dilihat lebih ke depan dalam konteks hormat-menghormati, masyarakat Sabah juga perlu terus dididik dengan sifat ihsan kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Beliau turut merujuk kepada sejarah negeri Sabah yang telah menghasilkan ramai tokoh dalam bidang pendidikan dan kemanusiaan yang boleh dijadikan contoh dan teladan kepada masyarakat masa untuk menjayakan gagasan Malaysia Madani dalam konteks Sabah.

Mustapha juga turut mengajak penulis-penulis di Sabah untuk menjayakan matlamat Sepanggar Sejahtera menerusi pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendidikan, pembangunan kemahiran, kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan. Beliau optimis bahawa sokongan berterusan penulis-penulis Sabah, terutamanya yang berkedudukan di kawasan Sepanggar, dapat membantu menjayakan matlamat tersebut.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sepanggar berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ikatan Penulis Sabah (IPS) 2023 di Rumah Puisi Hasyuda Abadi, Kampung Gudon, Manggatal, Kota Kinabalu pada pagi Sabtu. Turut hadir ialah Timbalan Pengarah I, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Rusdi Awang.

Ketua Satu IPS, Awang Abdul Muizz Awang Marusin, terdahulu menyatakan sokongan IPS terhadap gagasan Malaysia Madani yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini. Menurut beliau, IPS telah melakukannya dengan cara-caranya yang tersendiri sejak IPS diasaskan pada tahun 1990. Antaranya termasuklah penulisan, penerbitan, analisis karya, jerayawara sastera ke sekolah-sekolah di seluruh negeri dan pembangunan perpustakaan komuniti seperti Rumah Puisi Hasyuda Abadi.